

30/05/2003

Pemimpin OIC tekad pulih semula maruah Islam

Wan Hazmir Bakar

TEHRAN: Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bertekad mengembalikan semula perpaduan dan maruah umat Islam dalam menghadapi situasi dunia masa kini yang menyaksikan umat Islam terkapai-kepai, tidak

dihormati dan diasak kuasa besar.

Dua perkara itulah yang menjadi asas ucapan mereka pada persidangan kali

ini yang bertemakan "Perpaduan dan Maruah Ummah" yang turut disifatkan mereka sebagai forum paling sesuai dan tepat pada masanya untuk menilai semula kedudukan negara Islam di mata dunia.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata negara anggota kini sedar bahawa hanya perpaduan boleh menjadikan OIC pertubuhan berkesan bagi

mengembalikan maruah umat Islam dan menjadi benteng pertahanan negara Islam.

"Ia mengenai perpaduan dan kehormatan ummah sebab selepas peristiwa 11 September, selepas Iraq diserang dan isu Palestin, kita merasakan punca kita terkapai-kepai dan ditertawakan kita ialah kerana kurangnya perpaduan.

"Sebab itu tema persidangan ini ialah 'Perpaduan dan Maruah Ummah' dan itulah yang hendak dicapai.

"Kita dalam persimpangan perjuangan umat Islam, kita mesti lihat kembali

bagaimana kita boleh melahirkan perpaduan di kalangan kita," katanya pada

sidang akhbar di sini, semalam.

Kelmarin, Syed Hamid dalam ucapannya pada persidangan itu menggesa negara Islam bersama-sama menyuarakan dengan lantang dan jelas pendirian dunia Islam berhubung persoalan yang membabitkan ummah seperti isu Palestin dan Iraq.

Ditanya apakah bentuk tindakan yang perlu direalisasikan persidangan kali ini bagi mencapai matlamat mengembalikan perpaduan dan maruah umat Islam, Syed Hamid berkata ia adalah kerjasama mantap dalam bidang ekonomi.

"Dalam OIC satu perkara paling penting ialah pembasmian kemiskinan kerana banyak negara anggota adalah negara miskin," katanya.

Sementara itu, banyak negara OIC mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terus menyumbang kepakaran dan kepimpinan beliau kepada pertubuhan itu selepas bersara Oktober depan.

Permintaan itu disampaikan menteri luar negara anggota dalam pertemuan dua hala dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di luar Persidangan Menteri Luar OIC (ICFM) Ke-30 di Pusat Persidangan Antarabangsa Penyiaran Iran di sini, semalam.

"Perdana Menteri kita diterima semua negara Islam sebagai pemimpin yang

tegas serta dihormati dan mereka mahu menggunakan idea beliau. Ramai yang

mahukan Perdana Menteri membuat lawatan ke negara OIC untuk beri ceramah

dan nasihat selepas beliau bersara," katanya kepada pemberita Malaysia di sini, semalam.

Malaysia akan menganjurkan Sidang Kemuncak OIC di Putrajaya Oktober depan.

Sebelum ini, beberapa pihak mencadangkan Dr Mahathir menjadi Setiausaha Agung OIC selepas bersara. Kerusi itu pernah diisi Perdana Menteri pertama negara, Tunku Abdul Rahman, yang menjadi Setiausaha Agung pertama OIC.